

---

# Pendigitalan Operasi Kutipan dan Agihan Lembaga Zakat Negeri Kedah dalam Mencapai Matlamat Pembangunan Mampan: *Zakat on Touch*

Farah Nadirah Abdul Manan<sup>1</sup>, Nurul Shahariza Abu Hassan<sup>2</sup>, Siti Hafsha Albasri<sup>3</sup>

<sup>1,2,3</sup>Universiti Islam Antarabangsa Sultan Abdul Halim Mu'adzam Shah (UniSHAMS), Malaysia.

## Abstrak

Tujuan kajian ini adalah untuk mengkaji keberkesanan penggunaan aplikasi *Zakat on Touch* di negeri Kedah, Malaysia. Kaedah kualitatif dengan mengadakan temu bual dengan pegawai Lembaga Zakat Negeri Kedah digunakan untuk mengetahui keberkesanan penggunaan aplikasi ini dalam operasi kutipan dan agihan. Kajian ini memberikan bukti empirikal bahawa Matlamat Pembangunan Mampan mampu dicapai melalui penggunaan aplikasi *Zakat on Touch*. Kajian ini diharapkan dapat memberikan kesedaran dan galakan kepada orang ramai tentang penggunaan *Zakat on Touch* dan dalam masa yang sama mampu memberikan cadangan kepada Lembaga Zakat Negeri Kedah untuk meningkatkan pungutan dan pengurusan zakat pada masa akan datang.

*Kata kunci:* Zakat, Matlamat Pembangunan Mampan, Pendigitalan, Pengurusan Zakat, Aplikasi Zakat

*The purpose of this study is to study the effectiveness of the use of Zakat on Touch application in the state of Kedah, Malaysia. Qualitative methods by conducting interviews with Lembaga Zakat Negeri Kedah officers are used to find out the effectiveness of the use of this application in collection and distribution operations. This study provides empirical evidence that Sustainable Development Goals can be achieved through the use of Zakat on Touch application. This study is expected to provide awareness and encouragement to the public on the use of Zakat on Touch and at the same time be able to provide recommendations to the Lembaga Zakat Negeri Kedah to improve the collection and management of zakat in the future.*

*Keywords:* Zakat, Sustainable Development Goals, Digitization, Zakat Management, Zakat Application

## Pengenalan

Digital, komunikasi, internet, telekomunikasi dan gadget adalah menjadi kegunaan dan kewajiban setiap insan yang hidup pada zaman serba moden hari ini. Kini, masa semakin cepat berlalu. Dengan adanya teknologi dan pendigitalan dalam pengurusan kerja, operasi syarikat dan kehidupan seharian membolehkan manusia kini mampu menyiapkan kerja dengan lebih cekap, cepat dan menjimatkan kos (Ali et. al, 2019). Tidak dinafikan kesan perubahan ini memberikan impak positif mahupun negatif. Kini, kita menuju ke arah teknologi hijau yang mana mengurangkan penggunaan kertas dan bahan-bahan yang boleh mencemarkan alam. Melalui pendigitalan, semua dokumentasi dan maklumat akan tersimpan kemas dan rapi. Di samping itu, proses pencarian dan pindaan dokumen lebih mudah dilakukan.

Diharap dengan adanya digitalisasi dalam pengurusan operasi zakat, matlamat pembangunan mampan mampu dicapai. Pada permulaan, proses untuk mencapai matlamat pembangunan mampan mungkin sukar kerana kesedaran penggunaan *Zakat on Touch* masih dalam pengenalan. Mungkin ramai di antara kita masih belum pernah mendengar aplikasi ini dan tidak mengetahui cara penggunaannya. Kepentingan digitalisasi tidak boleh dipandang enteng kerana kepentingan penggunaannya tidak dapat disangkal. Diharap melalui pendigitalan operasi kutipan dan agihan zakat ini mampu mencapai sebahagian dari matlamat pembangunan mampan.

## Pendigitalan Operasi Kutipan dan Agihan Zakat

Perubahan teknologi yang semakin pesat menyebabkan kesemua sektor berubah ke arah pengoperasian maya dan atas talian. Begitu juga dengan institusi zakat yang mana kini bergerak ke arah pendigitalan dengan menggunakan aplikasi. Seperti yang digunapakai oleh Lembaga Zakat Negeri Kedah (LZNK), aplikasi *Zakat on Touch* diperkenalkan. Melalui perubahan teknologi ini, banyak perubahan positif dari segi keberkesanan kutipan zakat melalui pembayaran atas talian. Proses pengurusan kutipan dan agihan zakat menjadi lebih efisien, cepat dan efektif (Razimi et. al, 2016) selaras dengan permodenan dan inovasi dalam pengoperasian syarikat (Makhtar and Ahmad, 2010).

Aplikasi *Zakat on Touch* (ZOT) telah diperkenalkan oleh Lembaga Zakat Negeri Kedah (LZNK) pada Disember 2019. Tujuan aplikasi ini diperkenalkan adalah untuk memudahkan pihak pengurusan serta pembayar zakat memantau dan menyemak kutipan serta pengagihan zakat menggunakan telefon pintar secara telus dan efisien (LZNK, 2019). Penggunaan ZOT sangat membantu penolong amil dalam mengemaskini data bantuan yang telah diberikan kepada penerima zakat dengan hanya mengimbas kad pengenalan penerima zakat sahaja. Melalui ZOT juga, para pengguna aplikasi boleh memberi maklumat mengenai mana-mana asnaf yang layak untuk menerima zakat.

Data kutipan dan agihan zakat boleh dilihat dari semasa ke semasa melalui aplikasi ZOT ini. Aplikasi itu membolehkan pembayar zakat melihat sendiri ke mana wang zakat mereka

diagihkan dan ini memberi keyakinan kepada mereka untuk terus membayar zakat. Keberkesanan penggunaan aplikasi ini dapat dilihat dari peningkatan hasil kutipan zakat LZNK yang ketara iaitu daripada RM140 juta pada tahun 2017 kepada RM184 juta pada tahun 2018 dan RM207.5 juta pada tahun 2019. Ini jelas menunjukkan kesan positif aplikasi ini (Sinar Harian, 2020).

Selain daripada LZNK, Lembaga Zakat Selangor (LZS) meneroka aplikasi telefon pintar dengan memperkenalkan Ezakat pada tahun 2015 yang mana jauh lebih awal daripada LZNK. Melalui aplikasi ini pengguna boleh mendapatkan info-info zakat, cara pengiraan zakat, menyemak bayaran zakat dan boleh melaporkan asnaf yang mungkin layak menerima zakat (LZS, 2015). Ketelusan dan kecekapan dalam pengurusan kutipan dan agihan zakat mestilah dijaga kerana ianya kayu ukur kepercayaan pembayar zakat kepada institusi zakat tersebut. Dengan adanya aplikasi zakat yang mampu memberi maklumat terkini mengenai jumlah kutipan dan agihan, ianya mampu mengekalkan kepercayaan orang awam terhadap kredibiliti pihak pengurusan institusi zakat (Mulyadi et al., 2018).

### **Matlamat Pembangunan Mampan**

Matlamat Pembangunan Mampan atau Matlamat Pembangunan Lestari (Sustainable Development Goals, SDGs) terdiri daripada 17 matlamat utama yang dikemukakan oleh Pertubuhan Bangsa-Bangsa Bersatu (PBB) dalam Perhimpunan Agung PBB pada 2015 untuk dicapai pada 2030 sebagai agenda demi pembangunan dan kemaslahatan manusia dan bumi (Wikipedia,2020). Jadual 1 menyenaraikan 17 matlamat serta huraian ringkas mengenai Matlamat Pembangunan Mampan.

<b>No.</b>	<b>Matlamat</b>	<b>Huraian</b>
1	Tiada Kemiskinan	"Menamatkan kemiskinan dalam semua bentuk di mana-mana."
2	Sifar Kelaparan	"Menamatkan kelaparan, mencapai jaminan makanan dan nutrisi yang lebih baik serta menggalakkan pertanian mampan."
3	Kesihatan Baik dan Kesejahteraan	"Memastikan kehidupan sihat dan menggalakkan kesejahteraan kepada semua dalam semua lapisan umur."
4	Pendidikan Berkualiti	"Menjamin pendidikan menyeluruh dan ekuiti serta menggalakkan peluang pembelajaran sepanjang hayat kepada semua."
5	Kesaksamaan Gender	"Mencapai kesamarataan gender dan menguatkan semua orang wanita."

6	Air Bersih dan Sanitasi	"Memastikan kecapaian dan pengurusan mampan air dan sanitasi kepada semua."
7	Tenaga Berpatutan dan Bersih	"Menjamin capaian kepada tenaga berpatutan, dipercayai, mampan dan moden kepada semua."
8	Pekerjaan Yang Sesuai dan Pembangunan Ekonomi	"Mempromosikan perkembangan ekonomi mampan dan menyeluruh, pekerjaan penuh dan produktif, dan pekerjaan layak kepada semua."
9	Industri, Inovasi dan Infrastruktur	"Membina infrastruktur kukuh, mempromosikan industri yang menyeluruh dan mampan dan merangsang inovasi."
10	Mengurangkan Ketidaksamaan	"Mengurangkan ketidaksamaan pendapatan dalam dan sesama negara."
11	Bandar dan Masyarakat Mampan	"Menjadikan bandar dan petempatan manusia menyeluruh, selamat, kukuh dan mampan."
12	Penggunaan dan Pengeluaran Bertanggungjawab	"Memastikan corak penggunaan dan pengeluaran mampan."
13	Tindakan Terhadap Iklim	"Mengambil tindakan segera untuk menangani perubahan iklim serta kesannya dengan mengawal pengeluaran gas rumah hijau dan menggalakkan pembangunan tenaga boleh diperbaharui."
14	Kehidupan dalam Air	"Memulihara dan menggunakan lautan, laut dan sumber marin dengan mampan demi pembangunan mampan."
15	Kehidupan di Darat	"Memelihara, memulihara dan menggalakkan penggunaan mampan ekosistem darat, menguruskan hutan secara mampan, mengekang penebangan hutan, menghentikan dan mengundurkan degradasi tanah, dan menghentikan kehilangan biokepelbagaian."
16	Keamanan, Keadilan dan Pertubuhan Kukuh	"Mempromosikan masyarakat aman dan menyeluruh demi pembangunan mampan, memberikan capaian keadilan kepada semua, dan membina institusi yang berkesan, dipercayai dan

		menyeluruh pada semua tahap."
17	Kerjasama demi Matlamat	"Menguatkan cara pengamalan dan menggiatkan kerjasama antarabangsa demi pembangunan mampan."

Jadual 1: Matlamat Pembangunan Mampan

Matlamat Pembangunan Mampan adalah agenda sejangat untuk bertindak dengan lebih agresif dalam membasmi kemiskinan, menjaga bumi dan memastikan manusia sejangat menjadi lebih aman dan damai. Matlamat SDGs yang memiliki 17 matlamat dengan 169 sasaran yang ingin dicapai berdasarkan model global SDGs. Model SDGs adalah merupakan lanjutan daripada model Millenium Development Goals (MDGs). Pada mulanya, MDGs yang berakhir pada tahun 2015 tidak dapat mencapai sepenuhnya 100% matlamat yang disarankan, maka terbentuklah model SDGs. Program ini adalah berteraskan kepada prinsip "No One Left Behind" dengan bermatlamat menjamin semua orang dapat manfaat daripada pembangunan yang berdaya tahan berdasarkan hak-hak asasi manusia yang menjurus kepada pembangunan sosial, ekonomi dan persekitaran (Zainal, 2019).

## Metodologi

Metodologi kajian yang digunakan dalam kertas konsep ini adalah kaedah kualitatif. Temubual dengan pegawai cawangan LZNK dan beberapa dapatan daripada kajian lepas menjadi sumber dapatan dalam kertas konsep ini. Pembentangannya adalah dalam bentuk penjelasan maklumat, dan juga melalui perbincangan teori. Selain dari itu, artikel-artikel serta keratan akhbar menjadi sumber untuk menjelaskan dan menerangkan dengan lebih lanjut lagi mengenai isu ini.

## Keberkesanan *Zakat on Touch* Dalam Mencapai Matlamat Pembangunan Mampan

Berdasarkan kepada program SDGs, terdapat 17 matlamat yang ingin dicapai oleh dunia pada 2030 iaitu tiada kemiskinan, sifar kelaparan, kesihatan dan kesejahteraan, pendidikan berkualiti, kesaksamaan gender, ketersediaan pengurusan air dan sanitasi yang mampan, memastikan akses kepada tenaga yang mampu dimiliki, mampan dan moden, pengembangan kerjaya dan pembangunan ekonomi, membina infrastruktur berdaya tahan, menggalakkan perindustrian inklusif, mampan dan inovasi, mengurangkan ketidaksamaan kawasan, kelestarian bandar dan komuniti, memastikan penggunaan dan corak pengeluaran mampan, menangani perubahan iklim dan kesan-kesannya, ekosistem lautan, ekosistem daratan, institusi yang damai, adil, dan kuat, rakan strategik untuk mencapai matlamat (Zainal, 2019).

Pertama, matlamat untuk menamatkan kemiskinan dalam semua bentuk. Melalui aplikasi ZOT penolong amil, amil mahupun orang awam mampu membantu pihak LZNK dalam mengenalpasti asnaf-asnaf yang layak menerima zakat. Hanya dengan mengisi maklumat asnaf

di dalam aplikasi tersebut, dengan mudah pihak LZNK akan membuat siasatan dan menyemak sama ada individu tersebut layak menerima zakat atau tidak. Maka, di sini tiada keciciran individu-individu atau keluarga yang wajar dibantu. Walaubagaimanapun, kadar kemiskinan agak sukar dihapus sekiranya pihak LZNK memberi bantuan kepada individu yang salah. Maksud di sini bukanlah pemilihan asnaf yang dibuat LZNK adalah tidak telus dan salah. Maksudnya di sini adalah sikap dan matlamat hidup asnaf itu sendiri haruslah berubah. Asnaf dalam kategori fakir dan miskin ini takkan mampu keluar dari kepompong kemiskinan sekiranya mereka hidup dengan mengharapkan dan bergantung pada bantuan zakat selama-lamanya. Mereka sepatutnya mempunyai keinginan dan matlamat sendiri, seharusnya menggalakkan diri mereka untuk mengubah kehidupan agar menjadi lebih baik dan akhirnya mereka turut menjadi pembayar zakat.

Kedua, sifar kelaparan dengan memastikan semua orang mendapat keperluan makanan asas dan bernutrisi. Sepertimana yang sedia maklum LZNK mempunyai Pusat Bekalan Makanan Fakir dan Miskin (Food Bank) yang melibatkan 576 masjid seluruh negeri Kedah yang menjadi pusat agihan *Food Bank* tersebut. Tujuan *Food Bank* ini diadakan adalah untuk memastikan bekalan makanan untuk asnaf tidak terputus dan boleh diperolehi dengan kadar segera. Selain itu, LZNK turut memberi bantuan makanan kepada pusat penempatan warga tua. Penolong amil yang berada di masjid-masjid akan memberikan bantuan makanan-makanan asas ini kepada asnaf yang layak. Di samping itu, pihak masjid akan lebih dekat dengan asnaf justeru mengajak mereka supaya lebih dekat dengan rumah Allah SWT. Melalui penggunaan aplikasi ZOT, penolong amil, amil dan orang awam yang memuat turun aplikasi ini mampu membantu mana-mana individu yang memerlukan bantuan makanan dengan kadar segera melalui pencarian masjid-masjid terdekat yang menjadi pusat bekalan makanan atau *Food Bank* ini. Semoga penggunaan ZOT ini mampu membantu dan memberi manfaat kepada ramai pihak.

Ketiga, memastikan kesihatan baik dan hidup sejahtera. Pihak LZNK telah memperkenalkan pelbagai jenis bantuan perubatan antaranya ialah bantuan rawatan bulanan, bantuan rawatan sekaligus, bantuan rawatan di klinik panel dan bantuan rawatan di pusat haemodialisis. Maklumat-maklumat serta permohonan bantuan ini boleh diusulkan oleh penolong amil dan mana-mana orang awam melalui aplikasi ZOT. Ianya memudahkan pihak LZNK dalam mengenalpasti asnaf-asnaf atau insan-insan yang memerlukan bantuan ini.

Keempat, memperoleh pendidikan berkualiti. Pendidikan adalah sangat-sangat penting pada hari ini. Tanpa pendidikan seseorang akan mundur dan sukar untuk berjaya dalam hidup. Banyak bantuan pendidikan yang telah disediakan pihak LZNK antaranya ialah Bantuan Persekolahan Bulanan, Bantuan Awal Persekolahan, Bantuan Yuran Penuh ke Institusi Pengajian Tinggi (IPT), Derma Siswa Melanjutkan Pelajaran ke IPT Tempatan, Derma Siswa Melanjutkan Pelajaran ke Yaman, Derma Siswa Melanjutkan Pelajaran ke Mesir, Derma Siswa Melanjutkan Pelajaran ke Universiti Islam Antarabangsa Sultan Abdul Halim Mu'adzam Shah (UniSHAMS), Derma Siswa Melanjutkan Pelajaran ke Jordan, Derma Siswa Melanjutkan Pelajaran ke Indonesia (IAIN), Biasiswa Pendidikan dalam Negara, Institusi Pengajian Tinggi Awam (IPTA), Biasiswa Perubatan Luar Negara (Mesir) dan Derma Siswa IPT Luar Negara. LZNK telah

memperkenalkan pelbagai jenis bantuan yang merangkumi seluruh peringkat pengajian iaitu dari bangku sekolah sehinggalah ke peringkat sarjana mahupun peringkat doktor falsafah. Melalui bantuan ini, anak-anak asnaf mendapat manfaat dan inshaAllah melalui pendidikan yang berkualiti ini mampu mengubah nasib dan kehidupan asnaf-asnaf dan mengeluarkan mereka dari kepompong kemiskinan dan keciciran pendidikan.

Kelima, dalam memenuhi Matlamat Pembangunan Mampan yang ke-8 iaitu pengembangan kerjaya dan pembangunan ekonomi, pihak LZNK telah memperkenalkan pelbagai insentif dan bantuan dalam membuka peluang pekerjaan serta peluang perniagaan kepada asnaf-asnaf. Melalui aplikasi ZOT di bahagian butang Usahawan Asnaf terdapat senarai nama, jenis perniagaan, lokasi serta nombor telefon asnaf-asnaf yang membuat pelbagai jenis perniagaan yang mana maklumat-maklumat ini dapat membantu dalam memasarkan produk-produk serta perkhidmatan yang mereka jalankan. Mana-mana syarikat, kilang serta institusi yang memerlukan pekerja, mereka boleh menghubungi pihak LZNK untuk mendapatkan asnaf-asnaf yang sedang mencari pekerjaan. Diharap dengan peluang pekerjaan yang diberikan ianya mampu mengubah nasib asnaf-asnaf menjadi lebih baik dan dapat mengubah taraf ekonomi mereka khususnya.

Keenam, Matlamat Pembangunan Mampan yang ke-10 iaitu mengurangkan ketidaksamaan. Pemberian zakat adalah salah satu perantara serta sumber modal asnaf yang boleh digunakan bagi memperbaiki taraf hidup. Sekiranya asnaf menggunakan wang bantuan zakat dengan sebaiknya, inshaAllah penerima zakat tersebut akan menjadi pembayar zakat suatu hari nanti. Bila mana asnaf berjaya keluar dari kepompong kemiskinan, maka jurang perbezaan pendapatan dapat dikurangkan. Perkara ini dapat direalisasikan sekiranya asnaf yang benar-benar layak dan mempunyai komitmen untuk mengubah hidup mendapat bantuan. Melalui aplikasi ZOT, sesiapa sahaja boleh melaporkan individu-individu yang layak mendapat bantuan. Nasib individu-individu ini terbela dan akhirnya mampu mengubah hidup mereka sekaligus meningkatkan tahap ekonomi negara, maka Matlamat Pembangunan Mampan ke-10 ini mampu dicapai.

Ketujuh, dalam mencapai Matlamat Pembangunan Mampan yang ke-11 iaitu memastikan bandar dan masyarakat mampan ianya boleh dicapai dengan menjadikan bandar dan petempatan manusia menyeluruh, selamat, kukuh dan mampan. Terdapat beberapa bantuan yang telah dilaksanakan oleh pihak LZNK antaranya ialah bantuan bina rumah dan bantuan baik pulih rumah. Sehingga kini, terdapat kira-kira sebanyak 150 buah rumah baru dibina dan sebanyak 500 buah rumah dibaiki. Selain itu, pihak LZNK turut memberi bantuan baik pulih dan bantuan binaan untuk masjid dan surau. Ini bertujuan untuk memberi keselesaan kepada orang ramai dalam mengerjakan ibadat. LZNK turut memberi bantuan dalam bentuk pembayaran rumah sewa dan pembelian barangan asas rumah untuk saudara baru kita.

Kelapan, kerjasama demi mencapai matlamat pembangunan mampan dapat dicapai dengan menguatkan cara pengamalan dan menggiatkan kerjasama antarabangsa. Pihak LZNK telah membuat kerjasama dengan pelbagai pihak antaranya ialah menjalinkan hubungan

bersama industri perkilangan, perbankan, kesihatan, NGO serta masyarakat setempat yang terdiri daripada agensi-agensi kerajaan dan korporat (Zainal, 2019). Pihak LZNK turut membuat kerjasama dengan beberapa institusi pengajian tinggi dalam menjalankan penyelidikan antaranya ialah Universiti Utara Malaysia, Universiti Teknologi Mara dan Universiti Islam Antarabangsa Sultan Abdul Halim Mu'adzam Shah. LZNK turut membuat kerjasama dengan penolong amil di setiap masjid dalam memantapkan lagi proses pencarian asnaf. Melalui aplikasi ZOT, ianya memudahkan penolong amil untuk melapor sebarang aduan dan penemuan asnaf baru dari semasa ke semasa dengan lebih cepat. Usaha kerjasama ini membuahkan hasil dengan berlakunya peningkatan dalam jumlah penerima bantuan. Kerjasama yang utuh sangat penting dalam merealisasikan Matlamat Pembangunan Mampan.

## Kesimpulan

Matlamat Pembangunan Mampan adalah matlamat yang mesti dicapai kerana matlamat ini adalah agenda dunia dan dipandang sangat-sangat penting bagi sesebuah negara khususnya. Kelapan-lapan Matlamat Pembangunan Mampan yang mampu dicapai melalui penggunaan aplikasi ZOT akan menjadi realiti sekiranya semua pihak berganding bahu dan bekerjasama untuk merealisasikan dan melancarkan operasi kutipan dan agihan zakat dengan sebaik-baiknya. Semoga dengan adanya aplikasi ZOT, ianya mampu memberi manfaat kepada orang ramai tentang pentingnya berzakat dan sama-sama menjaga antara satu sama lain.

Penggunaan aplikasi ini sangat-sangat membantu dalam proses pencarian asnaf supaya tiada seorang asnaf yang dinafikan haknya untuk menerima zakat. Semoga dengan bantuan yang diberikan LZNK kepada asnaf-asnaf akhirnya mengubah hidup mereka menjadi lebih baik agar suatu hari nanti mereka pula yang menjadi pembayar zakat. Diharap kadar kemiskinan di Kedah mampu dikurangkan bila mana adanya aplikasi ZOT yang banyak membantu dalam proses pencarian asnaf. Aplikasi ini juga membantu dalam menyampaikan maklumat pemberian bantuan terutama *food bank*. Akhir sekali, diharap aplikasi ZOT dapat diperluaskan penggunaannya serta mampu memberi manfaat dalam meningkatkan kecekapan kutipan dan agihan zakat dan akhirnya mencapai Matlamat Pembangunan Mampan.

## Corresponding Author

Farah Nadirah Abdul Manan, Center for Islamic Finance Education and Research (CIFER), Universiti Islam Antarabangsa Sultan Abdul Halim Mu'adzam Shah, Kedah, Malaysia.

Email: [farahnadirah@unishams.edu.my](mailto:farahnadirah@unishams.edu.my)

## Rujukan

(2015, April 21). *Aplikasi Pintar Ezakat: Medium Baru Dakwah Zakat*. Diperoleh dari laman web Lembaga Zakat Selangor. <https://www.zakatselangor.com.my/terkini/aplikasi-pintar-ezakat-medium-baru-dakwah-zakat/>

(2020, September 14). *Matlamat Pembangunan Mampan*. Diperoleh dari laman web Wikipedia. [https://ms.wikipedia.org/wiki/Matlamat\\_Pembangunan\\_Mampan](https://ms.wikipedia.org/wiki/Matlamat_Pembangunan_Mampan)



- Ali, R., Mohd Dom, M. I., Bani Hashim, A. Y. & Hamdin, M. R. (2019). Peningkatan Kecekapan Pengurusan Agensi melalui Pendekatan Pendigitalan Dokumen. *Sains Humanika*, 11(1), 13-20. doi: <https://doi.org/10.11113/sh.v11n1.1284>
- Makhtar, A. S., & Ahmad, S. (2010). Transformasi pengurusan zakat di Malaysia. In *4th ISDEV International Islamic Development Conference (IDMAC 2010) organized by the Centre for Islamic Development Management Studies (ISDEV), University of Science, Malaysia*.
- Mulyadi, Hakim, A.R., Mulazid, A.S., Supriyono, and Meiria, E. (2018). E-Zakat: Redesign the Collection and Distribution of Zakat. In *International Conference on Islamic Finance, Economics and Business, KnE Social Sciences*, pages 433–452. DOI 10.18502/kss.v3i8.2525
- Razimi, A., Shahril, M., Romle, A. R., Erdris, M. & Farid, M. (2016). Zakat Management in Malaysia: A Review. *American-Eurasian Journal of Scientific Research*, 11 (6), 453-457.
- Unit Media Lembaga Zakat Negeri Kedah. (2019, Disember 3). *LZNK Perkenal 'Zakat on Touch' Mudahkan Pembayar Zakat*. Diperoleh dari laman web Lembaga Zakat Negeri Kedah. <https://www.zakatkedah.com.my/lzkn-perkenal-zakat-on-touch-mudahkan-pembayar-zakat/>
- Yap, J. (2020, Februari 23). *Aplikasi Zakat on Touch*. Diperoleh dari laman web Sinar Harian. <https://www.sinarharian.com.my/article/71133/KOLUMNIS/Aplikasi-Zakat-on-Touch>
- Zainal, H., Zakaria, O. and Mustaffa, F. (2019). Pelaksanaan Model Sustainable Development Goals dalam Inisiatif Pengurusan Zakat di Kedah. *International Journal of Zakat and Islamic Philanthropy*, Volume: 1 Issues: 1 pp.1-6.